



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[SUSTAINABILITY OF TRADITION ELEMENTS IN THE SURVIVAL
OF PONDOK INSTITUTIONS IN KELANTAN]**

**KEMAPANAN UNSUR TRADISI DALAM SURVIVAL INSTITUSI
PONDOK DI KELANTAN**

MOHD ZAHIRWAN HALIM ZAINAL ABIDIN^{1*}
AHMAD FIRDAUS MOHD NOOR¹
KHAFIZATUNNISA' JAAPAR¹
ABD.MUNIR MOHD NOH¹
ABD. NASIR MUSA²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610, Perak, MALAYSIA

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,
Kampus Tapah, Tapah Road, 35400, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author: mohdz560@uitm.edu.my

Received Date: 20 Oktober 2021 • Accepted Date: 20 Disember 2021

Abstract

The pondok is the earliest formal institution in Islamic education established in Malaysia. The state of Kelantan is one of the earliest states in Malaysia to have a pondok institution around 18th century. This institution continues in contributing to the development of Islamic education in the state of Kelantan and Malaysia. However, the globalizations give an impact to this institution to faced challenges in terms of systems, practices also in teaching and learning in tradition methodology. The changes have caused some pondok institutions to transferred the teaching in modern education and lose their traditional identity. Therefore, this study will discuss the elements of tradition that are still practiced for the survival of pondok institutions in Kelantan. The methodology of this research based on qualitative methods including document analysis, interviews and observations to obtain research data. The content of documents will be analyzed and supported by interviews and observations to achieve the findings. The results show that the traditional elements practiced have maintained and contributed to the sustainable of the pondok institution today. Therefore, the survival of the pondok as an Islamic traditional education center still relevant even though the current education system is changing to the new aspect and methodology. The tradition methodology practiced by the pondok institution have contributed to the charismatic formation of the scholars, intellectual development, da'wah and the development of Islamic knowledge in the global Muslim community.

Keywords: Tradition elements, survival, pondok institutions

Abstrak

Institusi pondok merupakan pusat pengajian Islam berbentuk formal yang paling awal ditubuhkan di Malaysia. Negeri Kelantan merupakan antara negeri yang terawal di Malaysia mempunyai institusi pondok iaitu pada abad ke 18 M. Institusi ini terus berkembang pesat dalam menyumbang kepada perkembangan syiar Islam di negeri Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya. Namun, dengan peredaran masa dan perkembangan zaman yang semakin moden menyebabkan institusi ini menghadapi cabaran dari aspek sistem serta praktis pengajaran dan pembelajaran yang sedikit sebanyak menggugat unsur tradisi yang diwarisi sejak turun temurun. Perubahan yang berlaku telah menyebabkan sesetengah institusi pondok kehilangan identiti kerana terpaksa mengubah sistem pendidikan berbentuk moden untuk disesuaikan dengan tuntutan zaman. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan unsur tradisi yang masih dipraktikkan dalam mengekalkan survival institusi pondok di Kelantan. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan metode kualitatif merangkumi penilaian dokumen, temubual dan pemerhatian bagi mendapatkan data kajian. Data penilaian dokumen yang dikumpulkan daripada buku, jurnal dan prosiding akan dianalisis secara kandungan disertai dengan data temubual dan pemerhatian bagi merumuskan dapatan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur tradisi yang dipraktikkan di institusi pondok kini telah berjaya mengekalkan identiti dan menyumbang kepada keutuhan survival institusi pondok sejak zaman berzaman. Justeru itu, kelangsungan institusi pengajian pondok sebagai pusat pendidikan Islam yang mengekalkan unsur pengajian tradisi masih kekal relevan walaupun elemen dalam sistem pendidikan semasa semakin berubah. Unsur tradisi yang dipraktikkan oleh institusi pondok telah menyumbang kepada pembentukan karismatik para ulama, pengembangan intelektual, dakwah dan perkembangan ilmu Islam kepada masyarakat Islam sejagat.

Kata kunci: *Unsur tradisi, survival, institusi pondok*

Cite as: Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Khafizatunnisa' Jaapar, Abd.Munir Mohd Noh & Abd. Nasir Musa. 2022. [Sustainability of Tradition Elements in the Survival of Pondok Institutions in Kelantan] Kemapanan Unsur Tradisi dalam Survival Institusi Pondok di Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 1-

PENGENALAN

Setiap bangsa atau masyarakat di dunia ini mempunyai adat atau tradisi yang diwarisi turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain. Pengekalan unsur atau nilai tradisi dalam sesebuah kebudayaan dan kemasyarakatan perlu diutamakan dalam survival sesebuah bangsa. Pengekalan ini amat penting sebagai satu identiti yang mencerminkan kekuatan sesebuah bangsa yang mempunyai ketamadunan yang tersendiri. Menurut Catur Surya Permana (2017), tradisi bukan hanya perbincangan berkaitan perkara lampau, namun lebih fokus kepada aspek hubungannya dengan nilai, norma, identiti dan kebudayaan. Tradisi juga berkaitan warisan masa lampau yang masih berkekalan hingga kini dan tidak dimusnahkan atau dirosakkan oleh perkembangan zaman.

Proses pengislaman masyarakat Nusantara telah menghasilkan perubahan dalam aspek kebudayaan dan cara hidup masyarakat Melayu termasuklah dalam aspek ilmu pengetahuan.

Perubahan dalam aspek ilmu pengetahuan telah berlaku secara berperingkat apabila perkembangan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan agama Islam semakin meningkat (Mashitah, 2013). Perkembangan proses menuntut ilmu dalam kalangan masyarakat Melayu secara tidak langsung telah mewujudkan tempat yang berfungsi sebagai pusat ilmu pengetahuan. Antara institusi ilmu pada peringkat awal ialah istana sultan, rumah guru, surau serta masjid. Seterusnya, institusi pondok telah diasaskan sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan menjadi tumpuan anggota masyarakat untuk menuntut ilmu. institusi pengajian pondok merupakan sebuah institusi pendidikan yang mengendalikan pengajaran agama Islam. Guru atau lebih dikenali dengan panggilan Tuan Guru merupakan tenaga pengajar yang diakui kepakarannya dalam bidang agama oleh anggota masyarakat. Guru tersebut secara sukarela telah mengajar mereka yang ingin mendalami pengajian agama Islam, mempelajari pengetahuan asas tentang undang-undang Islam dan mempelajari pembacaan al-Quran.

Istilah pondok juga dikatakan berasal daripada perkataan Arab "*Funudun*" atau "*Funduqun*" yang bermaksud rumah tumpangan ataupun tempat penginapan para pengembara yang berkunjung ke sesebuah tempat. Dalam pendidikan Islam, pondok bermaksud rumah-rumah kecil yang menjadi tempat tinggal para pelajar dan terletak berhampiran masjid atau rumah guru di sebuah tempat yang khusus. Pondok-pondok merupakan tempat tinggal para pelajar yang telah dibina dengan cara yang tersusun. Ciri khusus yang ada pada sesebuah institusi pondok seperti rumah kecil, madrasah, masjid dan rumah guru telah menunjukkan istilah pondok dikenali sebagai pusat pendidikan Islam di Nusantara (Masyurah, Harun, Maimun Aqsha & Siti Aisyah, 2015; Noornajihan, Zulkiple, Siti Rugayah & Amir Husin, 2017; Jasni, 2015). Pondok juga dapat memberi maksud satu kawasan yang mempunyai sebuah madrasah atau masjid sebagai tempat pengajian yang dikelilingi oleh tempat tinggal para pelajar berbentuk pondok-pondok kecil. Pondok-pondok tersebut telah dibina sendiri oleh para pelajar. Madrasah atau masjid tersebut telah dibina hasil daripada sumbangan atau derma anggota masyarakat (Ezad Azraai, Noor Inayah, Wan Kamal Mujani, Adibah & Kamaruzaman, 2011). Institusi pengajian pondok juga merupakan sebuah institusi yang mempunyai beberapa elemen antaranya (Solahuddin, Mohd Nizo & Alias, 2009):

- a. Sistem lebih efektif dan efisien dengan kaedah pengajian yang tersusun dan formal.
- b. Tempat dan ruang belajar yang luas untuk keperluan bilangan pelajar yang ramai
- c. Kemudahan tempat tinggal para pelajar sama ada yang datang dari tempat yang dekat atau jauh

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang merangkumi analisis dokumen, temubual dan pemerhatian (Kamarul Azmi, 2012). Kajian ini juga menumpukan kepada analisis kandungan dan deskriptif yang dijalankan berdasarkan kaedah triangulasi iaitu analisis dokumen, temubual serta pemerhatian. Kajian dijalankan dengan menjalankan analisis dokumen meliputi pembacaan terhadap buku, jurnal, tesis dan prosiding. Data yang diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Menurut Othman Lebar (2017), analisis dokumen dan rekod sangat diperlukan untuk memahami sejarah dan persekitaran berkaitan kajian yang dilakukan.

Metode temubual pula dijalankan oleh pengkaji dalam bentuk temubual semi-struktur. Soalan yang akan digunakan telah dirangka lebih awal sebelum sesi temubual dilakukan. Walaubagaimanapun, penemubual bebas untuk bertanya dan mendalami jawapan responden kepada satu soalan formal yang ditanya (Chua, 2011). Selain itu, pengkaji juga melakukan pemerhatian terhadap kawasan kajian untuk mengetahui secara mendalam dan terperinci keadaan sebenar komuniti atau kumpulan tertentu. Teknik pemerhatian yang akan dilakukan oleh penulis ialah pemerhatian terbuka (*participant observation*) bagi mengesan sesuatu perkara yang ingin difokuskan sebagaimana dicadangkan oleh Denzin dan Lincoln (2000). Teknik pemerhatian ini membolehkan informan memberikan penerangan secara terperinci dan berkongsi pengalaman yang dialami dengan pengkaji. Kualiti pengumpulan data juga dapat ditingkatkan selain dapat membantu untuk mengembangkan proses kajian yang sedia ada atau membantu pembentukan soalan untuk kajian baru (Barbara, 2005).

PERKEMBANGAN INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK DI KELANTAN

Kebanyakan akademia telah membincangkan asas penubuhan pondok di Malaysia sama ada berasal dari Indonesia, Sumatera atau Patani. Namun, yang pastinya institusi pengajian pondok merupakan institusi yang mendapat pengaruh dari Mekah dan Kaherah (Ainatul Fathiyah & Mohamad Zaini, 2015). Terdapat juga pandangan yang mengatakan institusi pondok bermula di Pasai kerana negeri Pasai terlibat dalam fasa untuk mengembangkan ajaran dan pendidikan Islam. Faktor ini telah memperlihatkan penubuhan institusi pengajian yang berteraskan institusi pondok di negeri Pasai (HAMKA, 1981). Walaubagaimanapun, perkembangan institusi pengajian pondok di Malaysia juga dikaitkan dengan pengaruh sistem pengajian pondok yang berpusat di Aceh, Sumatera dan Patani (Ramli, Khairi & Ishak, 2016). Perkembangan pondok juga dipengaruhi oleh usaha daripada mereka yang pernah mendapat pendidikan pondok di Aceh atau Patani. Melalui penduduk tempatan yang pernah belajar di pondok di kedua-dua tempat tersebut, mereka kemudiannya pulang mendirikan pondok di tempat asal mereka untuk masyarakat tempatan menimba ilmu. Contohnya, penubuhan pondok di Pulau Manis, Terengganu oleh Syeikh Ab. Malik B. Abdullah yang pernah belajar di Aceh pada akhir abad ke 18 M.

Pada awal abad ke 19 M dan 20 M, negeri Kelantan melahirkan puluhan guru dan ulama yang pulang dari dua pusat pengajian utama pada masa itu iaitu di Patani dan di Timur Tengah khususnya Mekah. Mereka telah mengasaskan pusat pengajian pondok apabila pulang ke tanahair untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam. Institusi pengajian pondok telah menarik minat ramai penuntut yang datang dari pelbagai negara untuk menuntut ilmu agama di negeri tersebut (Mohd Roslan, Ahmad Zaki & Faisal, 2012; Arba'iyah, 2008). Institusi pondok ini telah diasaskan dengan tujuan mendidik masyarakat tempatan agar memahami hukum Islam dan cara-cara beribadat (Rosnani, Saheed & Mohd Roslan, 2011; Mohd Roslan, Ahmad Zaki & Faisal, 2012). Institusi pengajian pondok di negeri Kelantan berkembang pesat pada abad tersebut kerana banyak pondok ditubuhkan untuk memenuhi keperluan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan atau dari luar Kelantan pada masa itu (Nur Azuki & Nik Kamaliah, 2007). Pembangunan institusi pondok di Kelantan berkait rapat dengan perkembangan dan suasana keislaman yang berlaku di Kelantan sehingga institusi tersebut menjadi pusat kegiatan keilmuan dari abad ke 18 M hingga abad ke 20 M. Institusi

pondok merupakan institusi yang paling berpengaruh dalam masyarakat Melayu pada masa itu (Ezad Azraai, Noor Inayah, Wan Kamal Mujani, Adibah & Kamaruzaman, 2011). Pondok pertama yang didirikan di Kelantan ialah pondok Pulau Condong yang diasaskan oleh Haji Ab. Samad Abdullah atau Tok Pulau Chondong (1792-1874 M) sekitar tahun 1820 M (Mohammad Ridzuan, 2001; Ramli, Khairi & Ishak, 2016). Pondok ini terletak di jalan Kuala Krai kira-kira 28 kilometer dari Bandar Kota Bharu.

Antara faktor perkembangan institusi pondok di Kelantan ialah sokongan dan galakan daripada pemerintah dan pembesar negeri yang ingin melihat perkembangan syiar Islam di Kelantan. Sejak zaman Sultan Muhammad I (1818-1837 M), para ulama telah diberikan status yang tinggi dalam masyarakat setelah mereka pulang dari menuntut ilmu di Patani dan Mekah. Selain itu, para ulama juga telah berperanan sebagai pemimpin, pakar rujuk dan penasihat kepada Sultan. Mereka telah diberikan penghormatan yang tinggi oleh pemerintah dan masyarakat. Contohnya Tok Pulau Chondong (1792-1874 M), Tok Bachok (1868-1953 M), Tok Kenali (1868-1933 M) dan Tuan Tabal (1819-1891 M). Para ulama juga telah membuka pusat pengajian pondok secara sukarela bagi mengembangkan pendidikan agama Islam. Masyarakat telah menyokong usaha ini dengan memberi bantuan berbentuk tanah wakaf, sumber kewangan untuk membiayai perbelanjaan pondok serta memberikan zakat dan sedekah kepada para guru untuk menyara hidup mereka (Mohamad, 1985; Ramli, Khairi & Ishak, 2016).

Selain itu, perkembangan institusi pondok berlaku dengan pesat di Kelantan kerana pengaruh yang kuat daripada ulama tersohor Kelantan, Tok Kenali (1868-1933 M). Usaha yang dijalankan oleh beliau dan ulama lain telah menjadikan institusi pondok di Kelantan semakin berkembang dan masyhur (Abdullah, 1987). Pertambahan tokoh ulama yang berwibawa menjadikan institusi pondok di Kelantan berkembang pesat. Dengan perkembangan ini, ramai pelajar dari dalam dan luar negeri telah belajar di Kelantan untuk mendalami ilmu agama (Arba'iyah, 2008). Perkembangan ini memperlihatkan pembangunan pendidikan Islam di Kelantan semakin pesat pada abad tersebut. Institusi pondok semakin berkembang dan banyak dibangunkan untuk menyebarkan syiar Islam. Institusi pondok di Kelantan bukan sahaja terkenal sebagai pusat pendidikan Islam di semenanjung Malaysia tetapi juga di Asia Tenggara. Antara pondok yang terkenal di Kelantan pada abad ke 19 M dan abad ke 20 M antaranya ialah Pondok Kenali (1910 M), Pondok Terusan (1954 M), Pondok Kubang Pasu (1850 M) dan Pondok Bunut Payung (1931 M) di Kota Bharu, Pondok Selehor (1912 M) dan Pondok Sungai Pinang (1907 M) di Tumpat, Pondok Padang Jelapang (1925 M), Pondok Kubang Bemban (1937 M) dan Pondok Lubok Tapah (1932 M) di Pasir Mas serta Pondok Sungai Durian (1958 M) di Kuala Krai.

UNSUR TRADISI DI INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK NEGERI KELANTAN

1. Sistem Pengajian Terbuka

Kaedah pengajian pondok merupakan kaedah terbuka tanpa mengira had umur, jantina, bangsa dan kelayakan. Mereka yang ingin belajar diterima secara terbuka tanpa sebarang syarat khusus. Proses ini memudahkan masyarakat awam untuk mendalami ilmu. Pelajar juga tiada had masa untuk belajar di pondok dan boleh menetap di sesebuah pondok sehingga pelajar merasakan mereka telah berpuashati dengan apa yang telah dipelajari (Masitah & Aizan, 2015).

Keterbukaan pengajian juga menjadikan institusi pengajian pondok menjadi tumpuan bukan sahaja daripada pelajar pondok itu sendiri tetapi daripada masyarakat awam. Sistem pengajian pondok antaranya berbentuk sistem '*umumi*. Sistem pengajian ini terbuka sama ada untuk pelajar pondok atau orang awam. Para pelajar dan orang awam boleh memilih kuliah ilmu yang ingin dihadiri secara bebas berdasarkan kepada matapelajaran, kitab yang digunakan serta waktu kuliah tersebut. Para guru lazimnya akan menentukan kitab yang akan diajar oleh mereka sendiri. Waktu pengajian '*umumi* biasanya selepas waktu Maghrib atau waktu solat lain bergantung kepada amalan sesebuah pondok. Ada juga sesetengah institusi pondok yang mengadakan pengajian '*umumi* pada pagi hari minggu contohnya hari Jumaat yang merupakan hari cuti mingguan di negeri Kelantan. Transkripsi temubual berikut menjelaskan:

Pengajian '*umumi* juga terbuka kepada masyarakat luar yang ingin mendalami ilmu pengetahuan. Pengajian kategori '*umumi* lazimnya dijalankan secara beramai-ramai bertempat di masjid yang terletak di tengah-tengah pondok. Kelas pengajian '*umumi* biasanya diadakan selepas waktu solat *rawatib* bermula pukul 7.30-8.30 pagi selepas Subuh, selepas Zohor, selepas Asar dan selepas Maghrib (inf2/G2/Tbl/Kh.PPT/11/4/2017).

Daripada pemerhatian yang dilakukan di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai di negeri Kelantan, pengajian '*umumi* mendapat sambutan dari masyarakat setempat yang hadir bersama-sama dengan pelajar tetap pondok untuk menuntut ilmu. Masyarakat awam yang hadir dalam pengajian tersebut terdiri daripada pelbagai peringkat umur sama ada lelaki atau perempuan.

2. Pengajian Halaqah

Halaqah yang merupakan sistem pengajian berbentuk bulatan merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas di kebanyakan pusat pengajian agama khususnya di kota Mekah suatu ketika dahulu. Terdapat juga halaqah yang memperlihatkan guru berada di tengah-tengah sesuatu tempat dikelilingi oleh para pelajar. Kaedah atau sistem halaqah yang pada mulanya dijalankan di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi telah diterapkan dalam sistem pengajian di institusi pondok di Nusantara (Numan, 2013; Ahmad Fauzi, 2010). Kaedah halaqah merupakan satu sistem dan kegiatan pembelajaran dalam pendidikan Islam yang berbentuk lingkaran atau bulatan yang biasanya diadakan di masjid atau pusat pendidikan Islam. Pelaksanaannya ialah dengan cara duduk bersila dan diketuai oleh seorang guru dalam pengajian ilmu Islam dengan tujuan menambah pengetahuan serta beramal dengan ilmu tersebut. Guru akan menghuraikan pengajian berpandukan kitab tertentu manakala pelajar akan mendengar dan mencatat penjelasan guru pada kitab tersebut.

Kaedah halaqah sememangnya sinonim dengan sistem pendidikan di institusi pengajian pondok termasuklah di negeri Kelantan. Kaedah ini telah dipraktikkan sejak zaman berzaman daripada awal penubuhan institusi tersebut di negeri Kelantan. Kaedah halaqah merupakan warisan Rasulullah SAW masih relevan untuk dipraktikkan dalam sistem pendidikan masa kini terutamanya di institusi pengajian pondok. Kaedah halaqah mempunyai kelebihan tersendiri walaupun kaedah ini merupakan kaedah tradisional dalam pendidikan Islam. Kebanyakan

institusi pengajian pondok di Kelantan masih mengekalkan tradisi mempraktikkan kaedah halaqah sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pengekalan kaedah halaqah disebabkan kaedah tersebut merupakan antara identiti institusi pengajian pondok sejak turun temurun. Transkripsi temubual berikut menjelaskan:

“Ya. Kaedah halaqah merupakan kaedah pengajian utama di institusi ini. Kaedah ini juga merupakan tradisional dalam sistem pengajian pondok yang diwarisi daripada kaedah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW”
(inf1/G1/Tbl/Kh.PLT/22/3/2017)

“Kita sememangnya menggunakan kaedah halaqah dalam sistem pengajian di pondok ini sama ada pengajian ‘umumi ataupun pengajian nizami”
(inf2/G2/Tbl/Kh.PPT/11/4/2017)

Pengajian secara kaedah halaqah telah dikekalkan serta dijalankan di pondok seluruh Nusantara kerana ramai para guru pondok mendapat pendidikan di Masjidil Haram, Mekah. Pengajian ilmu Islam telah mengaplikasikan kaedah halaqah dalam sistem pendidikan di Masjidil Haram. Para guru pondok yang mendapat pendidikan di Masjidil Haram telah menggunakan kaedah halaqah dalam sistem pengajian di pondok apabila pulang ke Nusantara.

Kaedah halaqah yang dilaksanakan di institusi pondok dijalankan di ruang sembahyang setiap hari. Sesi pengajian akan bermula dengan bacaan doa dan seterusnya pengajian kitab tertentu akan dimulakan sama ada kitab tersebut menjadi pilihan guru atau memenuhi permintaan daripada para pelajar. Pengajian akan berlangsung dari satu halaman ke halaman yang lain sehingga para pelajar dapat memahami suatu topik yang dipelajari. Penjelasan terhadap isi kandungan sesebuah kitab dilakukan dengan terperinci melalui penjelasan yang mendalam terhadap sesetengah isu atau perkara yang penting. Dalam memudahkan kefahaman terutamanya terhadap kitab Arab, para pelajar perlu menguasai tatabahasa Arab, sastera Arab, ilmu *qiraat* al-Quran, kisah para nabi serta ilmu tafsir al-Quran. Apabila selesai pengajian sesebuah kitab, sesi pengajian akan bermula dengan kitab seterusnya dalam aspek ilmu yang sama atau ilmu yang lebih tinggi berbanding sebelumnya (Numan, 2013).

Kaedah halaqah telah dibentuk secara tersusun dengan menerapkan realiti tempatan Melayu. Para ulama alam Melayu telah mengambil contoh pengajian ilmu Islam melalui halaqah daripada sistem pengajian di Masjidil Haram dan diharmonikan dengan ciri-ciri tempatan Melayu seperti asrama dan pakaian. Tradisi ini telah memperkukuhkan institusi pondok sebagai institusi pendidikan Islam yang berorientasikan tempatan khususnya di Malaysia. Para ulama Melayu telah berusaha sedemikian kerana mereka menghormati budaya tempatan dan tidak meniru sepenuhnya unsur dari Timur Tengah (Rahimin Affandi, Ruzman, Norhidayah & Muhammad Izzuddin Helmi, 2015).

Daripada pemerhatian yang dilakukan di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas dan Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu di negeri Kelantan, kaedah halaqah dipraktikkan dalam pengajian ‘*umumi* dan *nizami*. Kaedah ini memperlihatkan para pelajar akan duduk bersila berhadapan atau mengelilingi guru yang menyampaikan pengajian berpandukan kitab *turath*. Guru akan menghuraikan kandungan sesebuah kitab manakala para pelajar akan mendengar dan mencatat isi penting berkaitan topik pengajian sebagai rujukan pada masa hadapan.

3. Pengajian Berasaskan Metode Talaqqi

Kaedah talaqqi merupakan kaedah tradisional yang diambil daripada pedagogi Rasulullah SAW. Kaedah ini telah diaplikasikan dalam sistem pengajian di institusi pengajian pondok. Talaqqi merupakan kaedah yang memperlihatkan pelajar duduk dihadapan guru sama ada memperdengarkan bacaan al-Quran ataupun mendengar guru menyampaikan ilmu secara bersemuka tanpa perantaraan (Syuhaida Idha, Mohd Asmadi & Abd Shukor, 2015). Selain itu, kaedah talaqqi juga merupakan kaedah penyampaian yang dilakukan bagi menerangkan isi pengajian oleh seorang guru dalam kapasiti kumpulan yang ramai. Pembelajaran melalui kaedah ini bukan sahaja memperlihatkan murid bergantung sepenuhnya terhadap guru malah boleh memupuk rasa hormat pelajar terhadap guru. Kaedah ini merupakan antara kaedah yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW semasa berdakwah kepada masyarakat Quraisy dan umat Islam. Ia dilaksanakan dalam bentuk syarahan umum, tidak menggunakan masa yang panjang dan bercakap perkara yang penting sahaja (Noornajihan & Ab.Halim, 2012).

Kaedah talaqqi dilaksanakan menerusi pembacaan kitab *turath* atau selainnya oleh para guru di institusi pengajian pondok. Isi kandungan kitab akan dijelaskan dan dihuraikan dengan sempurna hingga tamat pengajian kitab tersebut. Proses ini dilakukan dengan cara pembacaan sesebuah kitab dari helaian ke helaian yang lain sehingga tamat. Transkripsi temubual berikut menghuraikan:

“Guru akan membaca dan mensyarahkan kandungan kitab kepada pelajar manakala pelajar akan melakukan *dhabit* terhadap perkara yang mustahak berkaitan pengajian tersebut. Pengajian berkisar pada satu hala sahaja kerana soal jawab dan pertanyaan amat jarang dilakukan” (inf1/G1/Tbl/Kh.PLT/22/3/2017)

Selepas tamat pengajian sesebuah kitab, pengajian akan disambung dengan kitab yang lain. Sesi soal jawab tidak berlangsung kerana para pelajar akan bertanya kepada pembantu guru atau Kepala Mutala‘ah sekiranya ada kemusykilan berkaitan pengajian. Namun, ada juga pertanyaan diajukan kepada para guru atau Tuan Guru untuk memahami dengan jelas pengajian yang diikuti. Selain daripada pembacaan dan pengajian kitab, kaedah talaqqi juga digunakan dalam pengajian al-Quran. Dalam pengajian di institusi pengajian pondok, pengajian al-Quran merupakan antara pengajian utama yang perlu diikuti oleh para pelajar. Para pelajar akan membentuk halaqah dan akan memperdengarkan bacaan mereka kepada guru seorang demi seorang. Pembetulan bacaan akan dilakukan oleh guru sekiranya terdapat kesilapan ataupun pembacaan yang tidak mengikut tajwid dan *makhraj* huruf yang betul. Daripada pemerhatian yang dilakukan di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai di negeri Kelantan, kaedah ini sememangnya dipraktikkan sepenuhnya oleh para guru pondok sama ada dalam pengajian *‘umumi* atau *nizami*.

4. Kitab Jawi

Kitab jawi merupakan karya yang ditulis secara bersistematik menggunakan huruf jawi dalam bahasa Melayu berkaitan perkara keagamaan (Faudzinain, 2012). Para ulama Alam Melayu

telah memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan penulisan dalam bentuk karya bertulisan jawi untuk memudahkan kefahaman masyarakat Melayu tentang agama Islam. Para ulama telah menjadikan kitab jawi sebagai bahan rujukan utama dalam pengajian yang disampaikan untuk meneguhkan keyakinan dan amalan masyarakat Melayu. Kitab jawi juga telah dijadikan rujukan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam permasalahan dan isu berkaitan agama Islam memandangkan majoriti masyarakat Islam Alam Melayu tidak memahami bahasa Arab (Sharifah Basirah & Che Zarina, 2013). Para ulama yang mengarang kitab jawi terdiri daripada ulama yang ulung dan disegani dalam lapangan keilmuan. Antaranya ialah Syeikh Daud Abdullah al-Patani (1133 H-1847 M), Syeikh Ab. Samad al-Palembangi (1704-1832 M), Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1710-1812 M), Syeikh Ahmad al-Patani (1856-1908 M) dan Syeikh Nik Mat Kechik al-Patani (1844-1914 M).

Di institusi pengajian pondok, kitab jawi lebih dikenali dengan kitab lama, kitab kuning dan juga kitab *turath*. Kitab ini ditulis oleh para ulama silam dengan menggunakan tulisan jawi klasik. Di samping itu, terdapat juga penggunaan kitab Arab dan kitab tersebut mula digunakan secara meluas pada akhir abad ke 19 M (Mohd Roslan, Ahmad Zaki & Faisal, 2012). Kitab jawi dijadikan sebagai teks utama di samping kitab Arab dalam pengajian di institusi pondok. Para pelajar pondok wajib menguasai tulisan jawi dan bahasa Arab dalam memahami isi kandungan sesebuah kitab yang dipelajari. Antara kitab yang sering digunakan di pondok-pondok di Malaysia ialah *Hidayatul Mustafid* (Tajwid), *Munniyat al-Musalli*, *Matla' al-Badrain* dan *Sullam al-Mubtadi* (Fiqh), *Matan al-Arbain*, *Riyadhu al-Salihin*, *Sahih al-Bukhari* dan *Bulugh al-Maram* (Hadis), *Tafsir Nur al-Ihsan*, *Tafsir Jalalain* dan *Tafsir al-Baidhawi* (Tafsir), *Faridatul Faraidh*, *Kifayatul 'Awwam*, *Aqidah al-Najin* dan *Dur al-Thamin* (Akidah) serta *Pelita Penuntut*, *Penawar Bagi Hati*, *Hidayat al-Salikin*, *Hikam* dan *Minhaj al-'Abidin* (Tasawwuf). Transkrip temubual berikut menjelaskan:

“Kitab-kitab yang ditadah di pondok adalah kitab jawi atau kitab Arab dalam pelbagai disiplin ilmu sama ada Usuluddin, Tasawuf, Fiqh, Nahu, Tafsir dan falak” (inf3/G3/Tbl/Kh.PPT/11/4/2017)

Kitab ini merupakan kitab yang diiktiraf dalam pengajian Islam dan sesuai digunakan pada semua peringkat zaman. Berdasarkan realiti ini, maka ia telah membuktikan bahawa institusi pengajian pondok telah mengangkat dan memperteguhkan lagi akidah Asyaari dan Maturidi (Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah) dan fiqh Syafie melalui kitab yang digunakan dalam sistem pendidikan di institusi tersebut (Luqman, 2011). Bahan pengajaran dan pendidikan hampir keseluruhannya bersumberkan karya ulama Ahli Sunnah wal Jamaah aliran Asya'irah kerana ulama Melayu berpegang kepada aliran tersebut. Para ulama Nusantara telah mengarang kitab jawi dengan huraian terperinci yang menekankan berbagai aspek antaranya sifat dan zat Allah, rasul dan nabi, jin, malaikat, kejadian alam dan kejadian manusia dalam perspektif aliran Asya'irah (Wan Zailan, 2013). Institusi pengajian pondok ternyata berperanan menyebarkan aliran Asya'irah di Nusantara dan mengekalkan tradisi menggunakan kitab-kitab jawi karya ulama-ulama Melayu aliran Asya'irah sehingga kini (tanwir.my, 2018). Kitab-kitab akidah yang membawa manhaj tersebut menjadi silibus utama pengajian di pondok. Antarannya *Dur al-Thamin*, *Aqidah al-'Awwam*, *Kifayatul 'Awwam*, *Jawhar al-Tauhid*, *Aqidah al-Najin*, *Faridatul Faraid* dan *'Umdat al-Murid*.

Institusi pengajian pondok adalah agen dalam mengembangkan mazhab Syafie kepada masyarakat Islam di rantau ini (Masni, 2013). Silibus pendidikan fiqh yang digunakan oleh para guru menekankan fatwa daripada Imam al-Syafie kerana kitab pengajian yang digunakan adalah daripada aliran mazhab Syafie (Mohd Hapiz, 2017). Melalui institusi pengajian pondok, kitab fiqh karangan dan terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu oleh ulama Melayu silam dengan doktrin fiqh Syafie telah menjadi rujukan utama sehingga ke hari ini. Antara kitab fiqh Syafie yang diterjemahkan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu ialah *Minhaj al-Talibin* dan *Fath al-Qarib*. Secara keseluruhannya, pengajian fiqh di institusi pengajian pondok adalah berdasarkan kepada aliran fiqh Syafie berikutan karya yang digunakan sebagai silibus pengajian merupakan penulisan para ulama yang bermazhab Syafie. Antara kitab fiqh Syafie karangan ulama Melayu yang menjadi silibus utama di institusi tersebut sehingga ke hari ini ialah *Fath al-Mu'in*, *Sabil al-Muhtadin*, *Matla' al-Badrain*, *Munniyat al-Musali* dan *I'arah al-Talibin*.

5. Masjid

Tempat untuk para pelajar menuntut ilmu dan menadah kitab lazimnya dijalankan di surau ataupun di masjid yang didirikan di tengah-tengah sesebuah institusi pondok. Falsafah yang dapat diperhatikan berkaitan tempat pengajaran dan pembelajaran pondok ini ialah ia merupakan persekitaran yang bersifat *muqaddas* melibatkan hubungan pelajar dengan guru dan hubungan dengan Allah SWT (Abdullah, 1995). Keberkatan menuntut ilmu di tempat melaksanakan ibadat dapat diperolehi oleh setiap pelajar. Pusat pengajian di masjid juga merupakan sunnah Rasulullah SAW iaitu baginda menjadikan masjid sebagai pusat menuntut ilmu di zaman kegemilangan Islam dahulu. Suasana pengajaran dan pembelajaran juga memberikan keharmonian dan ketenangan kepada jiwa dan fikiran pelajar yang dapat menambahkan kecerdasan dan ketajaman dalam berfikir. Tambahan pula, apabila masuk waktu solat, para pelajar dapat mendirikan solat berjemaah dengan para guru pondok tersebut. Pelajar juga akan menjaga adab dan tatasusila semasa proses pembelajaran kerana mereka berada di tempat ibadah yang merupakan rumah Allah SWT di muka bumi ini. Pengajian di masjid juga dapat menyemai sifat tawaduk iaitu merendah diri dengan ilmu pengetahuan, kesukaran dan cabaran untuk mendapatkan ilmu pengetahuan kerana duduk bersila dalam halaqah serta merasakan manusia itu sangat kerdil di sisi Allah SWT apabila mengetahui tentang hakikat sebenar kejadian manusia.

Sistem pondok yang memperlihatkan kedudukan pondok, masjid dan rumah guru berhampiran antara satu sama lain mempunyai identitinya yang tersendiri. Keadaan ini akan mewujudkan perpaduan, persaudaraan dan kerjasama antara warganya. Praktik hidup akan menghidupkan suasana hidup secara bersama dan komunikasi yang sering berlaku antara guru dan pelajar. Kesannya, akan wujud interaksi yang baik serta nilai moral yang tinggi di samping melahirkan sifat kekeluargaan dan hubungan yang muhibbah (Mohd Izzuddin & Mohamad Zaini, 2015). Transkrip temubual berikut menjelaskan:

“Kaedah halaqah berpusat di masjid kerana dapat menampung pelajar yang ramai, ruang yang luas untuk menadah kitab dan mengambil kira pelajar daripada pelbagai peringkat umur” (inf4/G4/Tbl/Kh.PSD/16/5/2017)

Daripada pemerhatian yang dilakukan di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu dan Pondok Sungai Durian, Kuala Krai di negeri Kelantan, pusat pengajian utama masih lagi dilaksanakan di masjid pondok terutamanya untuk pengajian *'umumi*. Para pelajar terdiri daripada kalangan pelajar tetap serta masyarakat awam. Manakala dalam pengajian *nizami*, terdapat beberapa halaqah ilmu dibentuk di sudut-sudut masjid contohnya di Pondok Pasir Tumbuh. Setiap halaqah akan mengkhususkan kepada ilmu-ilmu tertentu iaitu para guru menghuraikan isi kandungan kitab yang dipelajari.

6. Kehidupan Warga Institusi Pengajian Pondok

Tempat tinggal para pelajar merupakan rumah kecil berbentuk pondok yang didirikan secara berkomponen dalam rekabentuk yang sama dan amat sederhana. Falsafah di sebalik pembinaan ini ialah untuk membentuk peribadi setiap pelajar supaya merendah diri, hormat menghormati antara satu sama lain serta berkasih sayang tanpa membezakan sama ada pelajar itu kaya ataupun miskin. Selain itu, ia juga melatih pelajar hidup bersatu padu, bekerjasama, tolong menolong serta hidup berdikari (Abdullah, 1995). Pelajar akan tinggal dengan rakan pelajar yang lain dalam bilangan antara tiga hingga empat orang. Lazimnya, akan terdapat dapur untuk memasak makanan dan para pelajar akan memasak sendiri makanan seharian. Kehidupan yang sederhana di pondok juga akan melatih pelajar berdikari dan mereka akan berusaha untuk memastikan kelangsungan hidup dapat dipenuhi. Para pelajar juga akan membina sendiri pondok untuk didiami semasa pengajian yang akan memperlihatkan terjalannya kerjasama dan saling membantu di antara para pelajar dalam semua perkara (Mohd Izzuddin & Mohamad Zaini, 2015).

Pondok kediaman pelajar dibina berdekatan atau di sekeliling rumah guru dan masjid yang merupakan pusat pengajian utama di sesebuah institusi pondok. Bentuk asrama yang bercirikan pondok kecil sebagai kediaman pelajar, cara pemakaian dan sebagainya telah mewujudkan sistem pengajian pondok berorientasikan tempatan khususnya di Malaysia (Rahimin Affandi, Ruzman, Norhidayah & Muhammad Izzuddin Helmi, 2015). Langkah yang telah dilaksanakan oleh para ulama Melayu merupakan penghormatan terhadap kepentingan budaya Melayu yang tidak mengadaptasi unsur dari Timur tengah secara keseluruhan (Badlihisyam, Rahimin Affandi & Norlida, 2018).

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu dan Pondok Sungai Durian di negeri Kelantan, pembinaan tempat kediaman yang baharu berbentuk bangunan bertingkat telah dilakukan oleh pihak pengurusan pondok. Walaubagaimanapun, binaan-binaan asal kediaman pelajar berbentuk pondok masih lagi dikekalkan. Pondok-pondok kediaman tersebut masih berfungsi sebagai tempat tinggal pelajar. Asrama bertingkat telah dibina sebagai keperluan menampung bilangan pelajar yang agak ramai.

Budaya kehidupan masyarakat Melayu ternyata dapat dikekalkan walaupun wujud beberapa bentuk amalan dalam pendidikan Islam dan kehidupan beragama diambil daripada amalan di Timur Tengah. Perkara ini dilakukan bagi menarik minat masyarakat Melayu terhadap aktiviti keilmuan dan keagamaan serta memudahkan mereka mengamalkan ajaran Islam. Contohnya, selain daripada memakai jubah dan berserban, warga pondok juga memakai baju Melayu dan berkain sarung. Pada kaca mata masyarakat Melayu kini, pemakaian tersebut

adalah pakaian untuk melaksanakan amal ibadah menurut acuan budaya Melayu sejak turun temurun. Identiti ini telah menjadi kelaziman bagi kebanyakan pelajar dan guru pondok dalam aspek berpakaian seharian. Warisan budaya pemakaian masyarakat Melayu terus dikekalkan walaupun pakaian moden telah mendominasi fesyen berpakaian masyarakat Melayu pada hari ini.

REALITI MELESTARIKAN UNSUR TRADISI SEBAGAI SURVIVAL INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK DI KELANTAN

Walaupun institusi pengajian pondok mendapat kritikan kerana dikatakan ketinggalan zaman dan tidak bersesuaian dengan arus perdana, namun legasi pondok dalam penyebaran ilmu pengetahuan masih lagi relevan dan berfungsi dengan baik. Persaingan dari institusi pengajian yang lebih moden juga tidak menafikan peranan institusi pengajian pondok dalam menyebarkan ajaran dan kefahaman Islam terhadap masyarakat. Pengekalan sistem pengajian yang diwarisi secara turun temurun memberikan satu imej nostalgik kepada institusi pengajian pondok. Identiti tersendiri hasil cetusan daripada usaha serta idea ulama silam merupakan satu nilai tambah dalam memastikan kelestarian sistem pengajian tradisi turun temurun dapat dikekalkan. Walaupun zaman semakin berubah dan terkehadapan, cetusan modenisme tidak mampu mengganggu gugat perkembangan dan legasi institusi pengajian pondok yang masih dapat bertahan sehingga kini walaupun diakui tidak mencapai tahap kegemilangan sebagaimana dahulu.

Unsur tradisi yang masih dikekalkan dalam sistem pengajian pondok di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya merupakan elemen utama dalam menjana pembangunan ilmu bersifat tradisional. Realitinya, keunikan cara tradisi dalam sistem pendidikan di institusi pengajian pondok masih lagi diterima dan dikekalkan. Pelaksanaan cara tradisi dalam penyampaian ilmu pengetahuan dan cara hidup warga pondok sememangnya dapat dilestarikan dan tidak mendatangkan masalah dalam paradigma keilmuan semasa. Walaupun terkesan dengan suasana perkembangan pendidikan yang lebih moden sehingga ada sesetengah institusi pengajian pondok telah mengalami perubahan dengan mengaplikasikan metode yang terkini dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP), namun unsur tradisi tidak dapat dipisahkan dalam beberapa aspek yang berkaitan pondok seperti cara hidup, pemakaian, pengajian *turath* dan klasik serta cara penyampaian guru berasaskan talaqqi dan halaqah. Metode pengajian berunsurkan tradisi ini sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada realiti sistem pengajian pondok. Perkara ini memberikan satu gambaran bahawa sekiranya perbincangan dilaksanakan membabitkan institusi pengajian pondok, maka unsur tradisi ini tidak dapat dipisahkan. Unsur tradisi yang dipraktikkan ternyata memberi kesan kepada pola dan pembentukan budaya ilmu di pondok yang berupaya menghasilkan para ilmunan yang dapat memberi manfaat dalam perkembangan syiar Islam.

KESIMPULAN

Institusi pengajian pondok merupakan satu warisan dan legasi para ulama Nusantara dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pusat dakwah sejagat. Peranan institusi ini dalam menjana pembudayaan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Islam telah memberi

kesan yang besar dalam perkembangan intelektual sehingga berupaya melahirkan ramai para ulama yang masyhur dan berkaliber. Negeri Kelantan merupakan antara negeri terawal di Malaysia yang mengasaskan institusi pengajian pondok. Perkembangan institusi ini begitu pesat sehingga negeri Kelantan digelar sebagai negeri “Serambi Mekah” kerana sumbangannya dalam pembangunan keilmuan serta dakwah Islam.

Sistem pengajian bercorak tradisi sebagaimana zaman awal penubuhannya merupakan satu identiti kepada institusi pengajian pondok di negeri Kelantan. Kaedah pengajian yang dipraktikkan dalam sistem pengajian pondok di negeri ini secara khususnya adalah satu simbolik bahawa unsur tradisi dalam pengajian pondok sememangnya tidak dapat dipisahkan. Ini memandangkan asas serta identiti yang berkaitan dengan kaedah dan cara pengajian serta kehidupan di pondok sememangnya sinonim dengan norma dan cara hidup warga pondok termasuklah kaedah penyampaian ilmu. Walaupun zaman semakin berubah dengan berlakunya banyak transformasi termasuklah dalam bidang pendidikan, namun kebanyakan institusi pengajian pondok di negeri Kelantan masih kekal dengan warisan tradisi turun temurun dalam praktikal serta penyampaian ilmu pengetahuan. Walaupun tidak dinafikan terdapat juga perubahan dan mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) untuk disesuaikan dengan realiti semasa, namun metod tradisi tetap dikekalkan sebagai ciri utama dalam sistem pengajian di institusi pengajian pondok di negeri Kelantan. Hal ini merupakan usaha yang sewajarnya dilaksanakan dalam memelihara nilai dan warisan ketamadunan Islam agar tidak ditinggalkan dan dilupakan satu hari nanti.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. (1987). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2010). *Islamic Education in Malaysia*, Singapore: S.Rajaratnam School of International Studies.
- Ainatul Fathiyah Abdul Rahim & Mohamad Zaini Abu Bakar. (2015). Glokasi dan Cabaran Sekolah Pondok di Malaysia. Dalam Salasiah Che Lah, Norizan Esa (Ed.), *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan* (20-30). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia,.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2008). Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan. *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jilid 36, 68-83.
- Badlihisyam Mohd Nasir, Rahimin Affandi Abd. Rahim & Norlida Mohd Ramli. (2018). Institusi Pondok Tradisional dan Pembangunan Intelektualisme Islam Masyarakat Melayu-Islam: Analisis Kritikal. Dilayari daripada <https://www.academia.edu/23981087>.
- Barbara B. Kawulich. (2005). Participant Observation as a Data Collection Method. *Forum: Qualitative Social Research* 6(2). Dilayari daripada <https://www.researchgate.net/publication/221875465>

- Catur Surya Permana (2017). Menjaga Nilai Tradisi Sebuah Harapan Untuk Jawa Barat Memilih. Dilayari daripada https://www.researchgate.net/publication/321026098_MENJAGA_NILAI_TRADISI_Sebuah_Harapan_Untuk_Jawa_Barat_Memilih
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ezad Azraai Jamsari, Noor Inayah Yaakob, Wan Kamal Mujani, Adibah Sulaiman & Kamaruzaman Jusoff. (2011). The Influence of Middle East on The Development of Islamic Education in Kelantan, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research* 7, 141-150. Dilayari daripada <http://www.idosi.org/contact.htm>,.
- Faudzinaim Badaruddin. (2012). Peranan Kitab Jawi Tasawuf Sebagai Medium Transmisi Ilmu Islam kepada Masyarakat Melayu Nusantara. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, Vol. 1: (June.) 2012, 19-26.
- HAMKA. (1981). *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Jasni Sulong. (2015). Pondok Education in Seberang Perai: Its Evolution and Uniqueness. *Jurnal Kajian Malaysia*, Vol. 33, 75-90. Dilayari daripada [http://web.usm.my/km/33\(Supp.2\)2015/km33s22015_05.pdf](http://web.usm.my/km/33(Supp.2)2015/km33s22015_05.pdf)
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. Melaka: Puteri Resort
- Luqman Abdullah. (2011). Latest Development of Traditional Islamic Education in Kelantan. *INTED Proceeding 2011*. (291-300), Valencia: Sepanyol.
- Mashitah Sulaiman. (2013). Islam dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori. *International Conference on Social Science Research (ICSSR 2013)*. Pulau Pinang.
- Masitah Ramli & Aizan Ali @ Mat Zin. (2015). Sejarah (Tipologi) Penginstitusian Sekolah Agama di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan di YIK dan JAIS. *Journal al-Muqaddimah Volume 3(3)*, 50-65.
- Masni Usman (2013). “Pesantren, Kiai dan Tarekat dalam Transformasi Sosial, H. Sasul Nizar et al. (eds.). *Sejarah Sosial & Dinamika Intelektual Pendidikan Islam di Nusantara*. Jakarta: Kencana.
- Masyurah Mohd Rawi, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Siti Aisyah Romli. (2015). Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization* (Poltan-Ukm-Polimed), Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Abu Bakar. (1985). Pondok, Pilihanraya dan Pemerintahan di Kelantan. Dalam Nik Safiah Karim (Ed.), *Kelantan Dalam Perspektif Sosio Budaya* (55-64). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Mohammad Ridzuan Othman. (2001). Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin Bil. 13*, 65-80.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin (2017), *Ini Mazhabku: Bagaimana Saya Beriltizam Dengan Mazhab*. Selangor: Inspirasi Media.

- Mohd Izzuddin Ramli & Mohamad Zaini Abu Bakar. (2015). Kearifan Tempatan Dalam Institusi Sekolah Pondok di Malaysia. Dalam Salasiah Che Lah, Norizan Esa(Ed.), *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan* (18-29). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Mohd Roslan Mohd Nor, Ahmad Zaki Ibrahim, Faisal@Ahmad Faisal Abd. Hamid. (2012). Islamic Educational System in Kelantan, Malaysia: Traditional and Modern Approaches. *Middle East Journal of Scientific Research* 11 (9), 1238-1243, <http://www.idosi.org/contact.htm>. Dilayari pada 16 Januari 2017.
- Noornajihan Jaafar & Ab.Halim Tamuri. (2012). *Pedagogi Rasulullah SAW Dalam Pengajaran. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012*. Seremban, Negeri Sembilan: Hotel Royale Bintang.
- Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Hj. Tibek, Amir Husin Mohd Noor. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 2, Issue 6, 223-235.
- Numan Hayimasae. (2013). Intellectual Network of Patani and the Haramayn. Patrick Jory (ed.), *Ghost of the Past in Southern Thailand*. Singapore: NUS Press. 121-130.
- Nur Azuki Yusuff & Nik Kamaliah Nik Abdullah (2007), Institusi dan Sistem Pendidikan Islam: Suatu Analisa Tahap Perkembangannya di Kelantan. *Jurnal al-Tamaddun Bil. 2*, 139-160.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ruzman Mohd Noor, Norhidayah Yusoff & Muhammad Izzuddin Helmi Dzulkifli. (2015). Institusi Pondok Tradisional Sebagai Model Kearifan Melayu-Islam: Antara Tradisi dan Harapan. Dalam Salasiah Che Lah, Norizan Esa(Ed.), *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan* (44-51). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia,.
- Ramli Saadon, Khairi Arifin & Ishak Saat. (2016). Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya Sebelum Kemunculan Western-Type-Education. *Jurnal Perspektif, Jil.8 Bil.2*, 79-96.
- Rosnani Hashim, Saheed Ahmad Rufai dan Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Traditional Islamic Education in Asia and Africa: A Comparative Study of Malaysia's Pondok , Indonesia's Pesantren and Nigeria's Traditional Madrasah. *World Journal of Islamic History and Civilization (WJIHC)*, Volume: 1., 94-107, Dilayari daripada <http://www.idosi.org/contact.htm>.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin & Che Zarina Saari. (2013). Beberapa Aspek Psikoterapi Islam Dalam Kitab Jawi, 'Penawar Bagi Hati' oleh Sheikh Abdul Qadir Al-Mandili. *Jurnal Afkar Bil. 14*, 109-142.
- Solahuddin Ismail, Mohd Nizo Abdul Rahman & Alias Puteh. (2009). Reformasi Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. *Seminar Antarabangsa Pendidikan ICT Bernuansakan Islam*. Banda Aceh Sumatera Indonesia: Kolej Islam dan Sains (CAS) Universiti Utara Malaysia Dengan Kerjasama Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH)

- Syuhaida Idha Ab. Rahim, Mohd Asmadi Yakob & Abd Shukor Mohd Ali. (2015). *Pedagogi Talaqqi Dalam Pendidikan Islam di Pondok. E-Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Wan Zailan Kamarudin Wan Ali (2013), *al-Asya'irah Dalam Dunia Islam dan di Malaysia*. Dilayari daripada [https://www.researchgate.net/publication/257367955_AlAsya%27ariyya h_dalam_Dunia_Islam_dan_di_Malaysia_pdf](https://www.researchgate.net/publication/257367955_AlAsya%27ariyya_h_dalam_Dunia_Islam_dan_di_Malaysia_pdf).